

Asean hadapi H1N1 sepasukan

Malaysia buat saringan kesihatan di semua pintu masuk utama negara

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bharian.com.my

LANGKAWI: Malaysia akan bekerja sebagai satu pasukan dengan negara Asean bagi memastikan rantau ini bebas daripada jangkitan virus Influenza A (H1N1).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata bagi tujuan itu beliau akan menentuai delegasi Malaysia mengadakan perbincangan dengan menteri kesihatan Asean di Bangkok, mulai hari ini.

"Perbincangan itu penting bagi membolehkan semua delegasi Asean bertukar maklumat dalam usaha menangani virus Influenza A (H1N1).

"Bagaimanapun, rakyat Malaysia tidak perlu bimbang mengenai wabak itu kerana tiada kes berkaitan wabak berkenaan di negara ini," katanya selepas majlis perasmian bot ambulans di



LIOW (kiri) bersama Ong dan Dr Mahathir melawat bilik khas yang terdapat dalam bot ambulans yang dilancarkan di Langkawi, semalam.

Telaga Harbour Park, di sini, semalam.

Terdahulu, bot ambulans berharga RM8 juta itu dilancarkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat. Hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Liow berkata, saringan kesihatan di semua pintu masuk antarabangsa yang menerima pelawat dari negara terjejas serta kepulauan rakyat Malaysia dari negara berkenaan terus dipertingkatkan.

"Saya juga sudah menga-

rahan alat pengimbas suhu yang dipasang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di Sabah, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang diaktifkan 24 jam.

"Dalam hal ini, kita berada dalam keadaan siap sedia menghadapi sebarang kemungkinan termasuk menyediakan pasukan perubatan terlatih dan vaksin kecukupannya," katanya.

Pada sidang media selepas majlis itu, Ong berkata, Kementerian Pengangkutan memperuntukkan RM56 juta untuk membeli tujuh bot ambulans bagi kemudahan penduduk di pinggir pantai dan kawasan kepulauan di negara ini.

"Tujuh bot ambulans yang dibeli dan dikendalikan Jabatan Laut itu ditempatkan di Langkawi, Pelabuhan Klang, Mersing, Pulau Tioman, Pangkor, Kuala Terengganu dan Labuan.

"Bot itu turut menempatkan sebuah bilik khas untuk memudahkan pegawai perubatan mengawasi pesakit, selain memiliki ruang terbuka dan peralatan sokongan untuk merawat pesakit," katanya.